



KEMELESETAN EKONOMI PASCA COVID 19: CADANGAN MEMULIHAKAN NEGARA DEMI RAKYAT.

Memastikan tidak ada sesiapa yang ketinggalan

Wabak Covid telah mengejutkan ekonomi global. Walaupun beberapa pakar ekonomi arus perdana berusaha meyakinkan diri bahawa ekonomi global akan bangkit semula selepas perintah-perintah kawalan pergerakan di beberapa buah negara dilonggarkan, hakikatnya ialah pemulihian ini tidak akan berbentuk "V" dan ekonomi dunia akan mengambil 18 bulan ataupun lebih untuk pulih ke tahap sebelum wabak Covid-19.

Sebab utamanya adalah, ekonomi dunia tidak boleh berfungsi seperti biasa walaupun kawalan pergerakan dikurangkan. Perjalanan antarabangsa terpaksa dihadkan kerana dalam keadaan yang wujud sekarang, penularan virus antara negara dan pencetusan gelombang baru wabak berkemungkinan besar jika perjalanan antarabangsa tidak disekat. Syarikat penerbangan, lapangan terbang, agensi pelancongan, pembuatan kapal terbang dan sistem bekalannya – semua sektor-sektor ini akan menghadapai pengecutan permintaan secara ketara. Sebilangan besar hotel akan terpaksa mengurangkan operasi mereka ataupun menutup buat sementara waktu kerana mereka tidak mendapat pelanggan.

Sektor pembuatan juga akan terjejas. Menurut Jabatan Statistik (StarBiz 11/4/2020), purata penggunaan isi rumah rakyat Malaysia menjunam dari RM 6317 sebulan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke RM 2817 semasa PKP. Keadaan akan bertambah baik apabila PKP dilonggarkan tetapi besar kemungkinannya penggunaan isi rumah tidak akan kembali ke tahap pra-PKP sepanjang tahun ini. Di samping itu, banyak syarikat Malaysia yang eksport ke rangkaian global juga terjejas kerana pasaran luaran mereka tersekat akibat wabak Covid-19. Permintaan kasar di Amerika Syarikat dan di Eropah akan menurun secara mendadak kerana kehilangan pekerjaan yang sedang meningkat di rantau itu.

Kemelesetan Ekonomi

Dunia sedang menuju ke kegawatan ekonomi yang serius - beberapa pakar meramalkan ini akan menjadi seburuk kemelesetan besar (The Great Depression) pada tahun 1930-an. Adalah penting kita di Malaysia membuat perancangan untuk menangani kemungkinan ini. Sekiranya kemelesetan ekonomi berlaku, sebahagian besar rakyat Malaysia akan menghadapi masalah-masalah yang berikut;



- **Kehilangan kerja.** Dato Seri Mustafa Mohamad mengumumkan bahawa angka pengangguran boleh meningkat sehingga 1.8 juta dalam beberapa bulan akan datang. (Star 8/5/2020). Pekerja yang kehilangan pekerjaan akan tetap menganggur selama berbulan-bulan kerana hanya ada sedikit pekerjaan baru yang dijana kerana ekonomi sedang mengecut.
- **Pengurangan pendapatan** untuk perniagaan kecil (terdapat sekurang-kurangnya 700,000 keluarga dalam golongan ini) yang pasarannya terdiri daripada pekerja biasa. Apabila pendapatan agregat pekerja menurun, perniagaan kecil ini akan menghadapi kemerosotan dalam jumlah penjualan mereka kerana permintaan belian juga menguncup.
- **Pengurangan pendapatan pekebun kecil** yang menghasilkan getah dan kelapa sawit sekiranya harga komoditi-komoditi ini merosot (besar kemungkinannya akan berlaku)
- Banyak keluarga akan menghadapi masalah kewangan dan tidak dapat memenuhi **keperluan asas** - makanan, pembayaran sewa rumah, rawatan kesihatan, bil utility dan sebagainya.
- Keluarga yang tinggal di premis yang disewa mungkin menghadapi kemungkinan **pengusiran**.
- Banyak hospital kerajaan akan menjadi sesak dan ini mungkin menyebabkan **kelewatan dalam mendapatkan rawatan yang perlu**.

Komuniti peniagaan besar dan sederhana juga akan menghadapi masalah pendapatan dan aliran tunai. Walau demikian, mereka mempunyai pelbagai persatuan yang sedang kuat membela kepentingan mereka. Hampir setiap hari kita dapat melihat kenyataan media daripada Datuk Shamsuddin Bardan, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Datuk Michael Kang, Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMEAM) memperjuangkan hak bisnes dan majikan.

Namun, terdapat kekurangan liputan media mengenai masalah rakyat biasa, selain daripada kenyataan sekali-sekala MTUC dan beberapa NGO kebajikan. Oleh itu, adalah amat perlu untuk mempertengahkan masalah dan keperluan rakyat biasa secara konsisten supaya mereka tidak tertinggal daripada program-program yang dilancarkan oleh kerajaan untuk mengawal kesan kegawatan ekonomi.



Inilah sebabnya PSM mengeluarkan Kertas Posisi ini yang memperincikan program nasional berdasarkan solidariti untuk mengatasi cabaran kesihatan dan ekonomi yang melanda dunia.

Malaysia tidak boleh bergantung pada Strategi “Trickle Down”

PSM percaya bahawa adalah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan keperluan asas semua penghuni Malaysia dipenuhi. Pihak kerajaan tidak boleh hanya menumpukan perhatian menyelamatkan bank-bank dan perusahaan dengan anggapan bahawa syarikat-syarikat ini akan menyediakan pekerjaan dan perkhidmatan yang mencukupi untuk semua lapisan rakyat. Memandangkan teruknya pengecutan permintaan kasar yang telahpun diakibatkan oleh krisis kegawatan Covid, kami rasa Malaysia tidak boleh bergantung pada strategi memacu sektor swasta dengan harapan ia akan mengatasi semua gejala sosial yang dijana oleh krisis ini. Dalam krisis seperti ini, sistem pasaran gagal menjamin keperluan asas yang tidak bersandar kepada dengan daya beli. Wujudnya kemungkinan besar bahawa sebahagian keluarga di Malaysia tidak akan dapat memerolehi makanan, penginapan dan perkhidmatan kesihatan yang mereka memerlukan oleh kerana pendapatan mereka tidak mencukupi. Ini tidak boleh diterima!

Kami tidak membantah kerajaan membantu pihak bank dan perniagaan besar - kestabilan sistem kewangan kita adalah penting. Begitu juga dengan keperluan untuk menyelamatkan keupayaan produktif yang terdapat dalam syarikat-syarikat pembuatan kita.

Perkara yang kita tidak setuju ialah penyelesaian masalah rakyat melalui pendekatan "*trickle down*".(mengharapkan bantuan dari atas kepada bisnes akan turun kebawah membantu rakyat) Kerajaan mestilah campurtangan dan menyediakan keperluan asas serta perkhidmatan penting dalam situasi di mana sebahagian signifikan rakyat kita tiada pendapatan yang mencukupi.

Maka PSM mengemukakan lapan tuntutan asas untuk memastikan keperluan asas semua rakyat Malaysia dipenuhi dalam krisis ini selaras dengan visi Pulih Negara Demi Rakyat.

A. Tuntutan Pertama: Meningkatkan Jaminan Makanan

Kita mengimport bahan makanan bernilai RM 51 bilion pada tahun 2017. Itu ialah kira-kira 28% daripada jumlah perbelanjaan kita terhadap makanan pada tahun itu. Tahap sara diri (TSD) Malaysia untuk beras hanya 70%. TSD makanan untuk beberapa makanan penting lain adalah lebih rendah lagi.

Jadual: Tahap TSD bagi pelbagai jenis makanan 2018

Nasi – 68.7%	Sayur-sayuran – 44.6%
Buah-buahan – 78.4%	Daging Lembu – 22.9%
Daging Kambing – 10.9%	Susu Cair – 61.3%

(Sumber: Kementerian Pertanian 2018)

Kita menghasilkan semua unggas, telur dan daging babi yang kita makan tetapi sebenarnya bekalan ini pun tidak terjamin kerana lebih daripada 80% sumber makanan untuk ternakan kita (misalnya jagung bijirin yang digunakan untuk memberi makanan ternakan) diimpot.

Cadangan

1. Meningkatkan pengeluaran beras

a/ Pada takat ini 75% daripada subsidi untuk sektor padi adalah disalurkan melalui syarikat swasta yang membekalkan baja dan racun rumpai kepada pesawah. Tetapi ramai pesawah mengadu bahawa jenis dan kualiti bahan yang dibekalkan tidak sesuai untuk mereka. Syor pesawah adalah bantuan ini diberi dalam bentuk baucer yang boleh ditunaikan di mana-mana kedai baja dan racun oleh pesawah sendiri. Langkah ini akan menambahkan produktiviti pesawah tempatan.

b/ Pesawah sekarang dibayar RM 1.56 setiap kg padi yang dibeli oleh kilang padi. Tetapi berat padi yang diguna untuk berhitung adalah dikurangkan 20 hingga 25% beratnya kononnya untuk mengambil kira kandungan air dalam padi yang dibeli. Ada pesawah yang mengadu potongan ini (pemutuan) adalah terlalu besar. Kerajaan harus menyediakan satu perkhidmatan bebas (bebas dari pengaruh pihak kilang dan juga Bernas) yang boleh melakukan "spot-check" supaya dapat mengawal satu prosedur yang mengurangkan pendapatan pesawah. Peranan BERNAS juga harus di nilai semula, kerana BERNAS lebih cenderung untuk membeli beras impot yang lebih murah berbanding dari pesawah tempatan untuk meningkatkan keuntungan.



c/ Pada takat ini 36sen daripada RM 1.56 yang dibayar untuk tiap kg padi yang dibeli oleh kilang adalah subsidi daripada kerajaan (yang disalurkan kepada kilang melalui Bernas). Subsidi ini harus ditingkatkan ke RM 0.80 se kg – ertiya padi dibeli daripada pesawah dengan harga RM 2 se kg.

d/ 10% daripada tanah syarikat perladangan besar haruslah ditukat tanaman dan diguna untuk menghasilkan padi dan jagung bijirin. (Pada masa ini 8.6 juta hektar tanah, atau 26% dari keluasan tanah Malaysia digunakan untuk pertanian - 6 juta daripadanya adalah di bawah penanaman kelapa sawit dan 1 juta hektar lagi untuk getah. Padi ditanam di hanya 700,000 ha, sementara 900,000 yang selebihnya adalah untuk semua usaha pertanian yang lain.) Kami membantah penebangan hutan yang sedia ada untuk wujudkan kawasan pertanian baru¹. Hutan-hutan kita harus dikekalkan. Sebahagian kawasan pertanian yang sedia ada harus diubah tanamannya dari tanaman komersial untuk diekspot ke tanaman bahan-bahan makanan.

2. Petani sayur yang kecil dan penternak di tanah kerajaan harus diberi pajakan 20 tahun dengan syarat bahawa tanah itu harus digunakan secara eksklusif bagi pengeluaran makanan untuk masyarakat Malaysia. Pengusiran petani-petani ini mesti dihentikan. Sektor ini sering dihantui oleh lambakan sesuatu produk dan ini merugikan beratusan petani kecil. Satu sistem pemantauan terhadap keluasan kawasan yang ditanam oleh tiap satu produk sayuran di seluruh Malaysia harus dilancar dan dipamir di atas talian supaya petani dapat buat pilihan yang berdasarkan makluman terkini untukm mengelak lambakan sesuatu sayur.

3. Pekebun kecil getah dan kelapa sawit harus didorong untuk mempelbagaikan usaha mereka ke pengeluaran makanan – buah-buahan, kebun sayuran, pemeliharaan ikan, peternakan kambing dan lembu. Harga komoditi akan menjadi lembap untuk beberapa tahun akan datang. Oleh itu, kepelbagaian adalah sesuatu yang masuk akal dari segi ekonomi. FAMA harus meningkatkan program-programnya untuk membantu memasarkan buah-buahan dan sayur-sayuran yang dihasilkan oleh petani-petani ini. Petani kecil ini juga memerlukan bantuan dalam mengendalikan kerosakan tanaman mereka oleh monyet, babi hutan dan gajah. Pengendalian masalah ini memerlukan modal yang besar.

4. Pencen untuk Pesawah padi dan nelayan kita sedang menghasilkan komoditi asas yang penting bagi kita selama ini, namun mereka adalah antara kumpulan termiskin dalam masyarakat kita. Sumbangan mereka harus diiktiraf dengan penggubalan skim pencen usia tua untuk semua pesawah padi dan nelayan tradisi - ini boleh bermula dengan RM 400 sebulan untuk mereka yang berumur 55 tahun ke atas.

5. Sumber perikanan laut kita sedang diancam oleh pencemaran alam, reklamasi pantai untuk projek hartatanah, pembinasan kawasan paua bakau , perlombongan pasir laut dan pencerobohan kapal tunda. Kesemua ancaman ini terhadap sumber perikanan negara harus ditangani.

B. Tuntutan Kedua: Skim Jaminan Pendapatan Asas

Terdapat 2 skim pengangguran di negara ini. Peraturan 1980 di bawah Akta Pekerjaan (1955) mempertanggungjawabkan majikan membayar pampasan kepada pekerja yang dibuang kerja berdasarkan jangka masa perkhidmatan mereka - pekerja yang berkhidmat lebih dari 5 tahun harus diberi pampasan bersamaan dengan upah 20 hari untuk setiap tahun perkhidmatan, sementara pekerja yang berkhidmat kurang dari 2 tahun hanya layak mendapat gaji 10 hari setara setiap tahun perkhidmatan mengikut perundangan ini. Skim pengangguran kedua ialah Skim Insurans Pekerjaan yang diuruskan oleh PERKESO. Ini memberikan 80% upah untuk bulan pertama setelah pemberhentian kerja, dikurangkan sehingga 30% upah untuk bulan ke-5 dan ke-6 dan setelah itu diberhentikan.

Kedua-dua skim ini tidak mencukupi untuk melindungi pekerja yang menghadapi prospek pengangguran selama 12 hingga 18 bulan. Satu lagi kekurangan 2 skim ini ialah mereka hanya melindungi 6.5 juta pekerja dalam sektor formal. Terdapatnya 2.5 juta pekerja lagi di sektor bukan formal yang dibayar gaji harian - mereka yang bekerja di restoran, tapak pembinaan, sebagai pekerja kontrak memuat barang, penoreh getah kontrak, sebagai pembantu dalam perniagaan kecil dan juga gerai-gerai. Semua pekerja sektor tidak rasmi tidak dilindungi oleh kedua-dua skim yang ada ini. Selain itu wujudnya lebih kurang 1 juta perniaga mikro yang membuka gerai-gerai di tepi jalan, di pasar malam dan sebagainya. Ramai antaranya sedang mengalami keruntuhan besar dalam pendapatan harian mereka dan se bahagian antara mereka memerlukan bantuan kewangan.

Cadangan

1. Kerajaan harus melancarkan satu skim yang membantu semua keluarga dan individu yang pendapatan mereka tidak mencukupi untuk memperolehi keperluan asas. Skim ini harus dilaksanakan secepat mungkin di seluruh negara. Oleh itu haruslah didasarkan pada pangkalan data yang sudah ada dalam rekod kerajaan melalui perlaksanaan BRIM, BSH dan BPN.



2. **Pendapatan Asas Universal² (UBI) yang diubahsuai** ialah pilihan terbaik pada peringkat ini. Ciri-ciri Skim Jaminan Pendapatan Asas yang kami cadangkan ialah -

- Bayaran RM 1000/bulan untuk satu keluarga dan RM 300/bulan untuk dewasa tunggal yang berumur 19 tahun ke atas. Tetapi keluarga yang mempunyai ayah atau ibu dari mana-mana kategori berikut dikecualikan daripada skim ini;
 - Semua yang kini bekerja dalam pekerjaan di mana majikan memberikan caruman PERKESO (Mungkin sekitar 5.5 juta)
 - Kakitangan Kerajaan (1.6 million)
 - Semua pesara yang pencennya melebihi RM1000 sebulan (800,000 orang - Bagi mereka yang berpencen antara RM500 hingga 1000 harus ada skala yang bergeser)
 - Semua yang membayar cukai pendapatan peribadi pada tahun 2019 - 1.8 juta individu.

(Keluarga yang "dikecualikan" boleh merayu jika mereka merasa mereka memang layak untuk skim ini)

- Pembayaran di bawah Jaminan Pendapatan Asas haruslah kepada wanita isi rumah dalam kes keluarga. Ibu tunggal yang mempunyai anak-anak sepatutnya dibayar mengikut kadar keluarga (RM 1000 sebulan) dan bukannya kadar bujang (RM 300 sebulan).

3. Tujuan utama skim Jaminan Pendapatan Asas (JPA) adalah untuk memastikan semua penduduk Malaysia mendapat pendapatan yang mencukupi untuk memperolehi makanan dan barang keperluan asas yang lain. Skim JPA ini harus diteruskan sehingga keluarga/individu dapat memperolehi pekerjaan baru atau menjana pendapatan yang mencukupi melalui perniagaan mereka.

C. Tuntutan Ketiga: Subsidi Sewa Rumah

Kira-kira 25% keluarga di Malaysia tidak memiliki rumah sendiri tetapi tinggal di premis yang disewa dengan sewa antara RM 100 sebulan untuk rumah kayu setinggan hingga lebih daripada RM 1500 di beberapa pusat bandar kita. Sebilangan keluarga ini akan menghadapi masalah pembayaran sewa dan mungkin akan menghadapi pengusiran.

Cadangan

1. **Kerajaan harus melarang pengusiran keluarga dari kediaman mereka atas sebab tidak dapat membayar sewa.** Perjanjian penyewaan adalah satu bentuk kontrak dan bagi melarang pengusiran penyewa rumah secara efektif (dan masih tetap dalam peruntukan undang-undang) kerajaan harus masukkan perjanjian penyewaan rumah sebagai salah satu kontrak yang diliputi



dalam undang-undang yang kerajaan ingin perkenalkan bagi merangkumi bentuk tanggungjawab kontrak yang lain. (Undang-undang serupa ini telah digubal di Singapura - The Covid 19 Temporary Measures Act 2020).

Undang-undang baru ini juga harus menetapkan bahawa penyewa yang menghadapi masalah membayar sewa boleh merujukkan perkara ini ke Tribunal Sewa Perumahan untuk diselesaikan.

2. **Tribunal Sewa Perumahan** harus dibentuk di tahap daerah bagi menetapkan bagaimana setiap kes sewaan harus diselesaikan berdasarkan prinsip berkongsi beban antara tiga pihak – penyewa rumah, tuanrumah dan kerajaan. Kaedahnya adalah seperti berikut -

a/ Penyewa perlu menunjukkan bahawa sumber pendapatannya telah menurun dengan ketara untuk mendapat bantuan di bawah skim ini. Penyewa akan diminta membayar sebahagian daripada sewa yang disetujuinya semasa menyewa rumah - kuantum boleh berkisar antara 0% jika penyewa sangat kekurangan pendapatan hingga 100% jika pendapatannya cukup besar.

b/ **Kerajaan akan membayar sebahagian daripada sewa** sehingga jumlah sumbangan kerajaan dan penyewa adalah 60% daripada sewa biasa yang dibayar (dengan had sumbangan kerajaan maksima ialah RM 600 sebulan).

c/ Tuanrumah dikehendaki memberikan potongan 40% daripada jumlah sewa yang biasa diterima bagi kes-kes di mana bantuan kerajaan diperlukan.

3. Formula yang dijelaskan dalam "2" di atas adalah untuk tuanrumah yang hanya mempunyai satu rumah. Kerana adanya sesetengah orang yang melaburkan wang simpanan mereka di rumah kedua untuk memastikan mereka mempunyai sumber pendapatan selepas mereka bersara. Harapan mereka yang sah ini tidak patut dikompromikan terlalu banyak. Tetapi dalam kes di mana tuan rumah mempunyai lebih daripada satu rumah yang disewakan, maka tuanrumah harus setuju untuk potongan tambahan - mungkin meningkat sebanyak 10% untuk setiap rumah tambahan yang disewakan. (Perincian skim ini harus dikaji dengan melihat contoh yang ada di negara lain.)

4. Seharusnya ada mekanisme dalaman di mana pengaturan ini dikaji dari semasa ke semasa, dan subsidi ditarik apabila pendapatan penyewa bertambah baik dan dia tidak lagi memerlukannya.

D. Tuntutan Keempat: Meningkatkan Kapasiti Perkhidmatan Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat

Selama 2 bulan yang lepas, hospital kerajaan telah menangguhkan beberapa kaedah rawatan untuk kes-kes bukan Covid 19 kerana Hospital-Hospital Awam telah "berperang" dengan wabak Covid 19 dan adanya ketakutan yang nyata bahawa jika pembedahan dilakukan keatas pesakit Covid 19 tanpa symptom ! Oleh itu, sekarang kita mempunyai tunggakan kes-kes rawatan batu ginjal, batu empedu, prosedur stent jantung, pembedahan katarak dan banyak lagi³.

Selain itu, penurunan pendapatan yang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan dan kemelesetan ekonomi bererti jumlah pesakit yang mampu mendapatkan rawatan di hospital swasta sudah menurun, mereka ini beralih pula ke hospital kerajaan. Hospital kerajaan yang pada masa-masa biasa pun sesak kini semakin teruk lagi .

Pada masa yang sama peningkatan dalam kes keganasan rumah tangga adalah amat membimbangkan. Tekanan ekonomi dan stress dikalangan masyarakat menjadi penyebab peningkatan kes-kes ke Hospital Kerajaan.

Cadangan

1. Kementerian Kesihatan harus mengeluarkan **protokol yang memastikan keselamatan** pesakit dan pasukan perubatan bagi rawatan invasif bukan kecemasan. Protokol ini boleh merangkumi ciri-ciri berikut;
 - a. Menghadkan pembedahan dan prosedur bukan kecemasan kepada pesakit yang berasal dari daerah yang tidak mempunyai kes baru Covid 19 pada 3 minggu sebelumnya.
 - b. Ujian saringan penuh - baik untuk Covid RNA dan antibodi anti-Covid – bagi semua pesakit yang memerlukan prosedur ataupun pembedahan bukan kecemasan.
 - c. Pakaian keselamatan (PPE) yang mencukupi bagi pasukan perubatan yang melakukan prosedur atau pembedahan.

2. Naiktaraf Hospital Daerah untuk laksanakan pembedahan dan rawatan. Buat masa ini, dewan bedah di hospital-hospital daerah tidak digunakan untuk pembedahan kerana tiada pakar bius ditempatkan di situ. Dalam masa ini, pakar bius di hospital swasta tiada kerja seperti biasa kerana bilangan pesakit yang sanggup bayar untuk rawaan swasta telah mengecut akibat



kegawatan ekonomi. Kerajaan harus melancarkan satu skim untuk menempatkan pakar bius swasta di hospital-hospital daerah supaya dapat membuka dewan pembedahan di sana dan mengurangkan kes-kes pembedahan yang tertangguh di hospital kerajaan.

3. Meningkatkan bantuan kewangan untuk peralatan perubatan yang perlu dibeli oleh pesakit di hospital kerajaan seperti kanta untuk kes-kes katarak, skru dan kepingan logam untuk pembedahan otopedik dan sebagainya.

Cadangan-cadangan ini memerlukan penambahan peruntukan untuk Kementerian Kesihatan dari RM31.3 billion sekarang menjadi sekurang-kurangnya RM36 billion.

4. Jabatan Kebajikan Masyarakat harus membuka talian 24 jam supaya mangsa keganasan rumah tangga boleh dapat nasihat dan bantuan. Perkhidmatan kaunseling harus ditawar dan undang-undang harus digubal supaya Mahkamah mempunyai kuasa untuk mengarahkan pasangan suami-isteri menghadiri beberapa sesi kaunseling jika berlakunya insiden keganasan rumah tangga di keluarga mereka.

E. Tuntutan Kelima: Menjamin Keselamatan Awam

Dengan kelonggaran pada Perintah Kawalan Pergerakan, orang ramai sedang keluar dengan lebih kerap ke ruang-ruang awam. Pihak Berkuasa Tempatan seharusnya memainkan peranan untuk memastikan garis panduan kesihatan dipatuhi seperti:

- Penjarakan fizikal di kalangan pengunjung perniagaan
- Pemakaian topeng muka
- Pengasingan sendiri apabila mengalami demam atau batuk atau sakit tekak.

Cadangan

1. **Tahap pergerakan yang dibenarkan dalam satu-satu daerah mestilah berdasarkan pada kod warna daerah tersebut⁴.** Daerah dalam zon hijau yang mana tiada kes baru Covid 19 untuk 3 minggu kebelakangan boleh diberi lebih kebebasan. Sebaliknya, daerah yang dalam zon merah pula yang mempunyai lebih dari sebilangan kes dalam tempoh yang sama pula, mestilah mempunyai kawalan yang lebih ketat. (Jumlah kes sebenar untuk mengklasifikasikan daerah kepada 3 atau 4 kategori perlu ditetapkan oleh satu jawatankuasa teknikal). Kita memang perlu membuka kembali aktiviti ekonomi, tetapi dalam masa yang sama, kita perlu pastikan ianya adalah dalam keadaan yang selamat.



2. Pegawai Majlis Tempatan mestilah digerakkan untuk **memantau orang ramai di pasar, pasar malam dan pasaraya** untuk memastikan penjarakan fizikal dipatuhi. Pegawai-pegawai ini mestilah dibekalkan dengan thermometer infra-red untuk memantau suhu badan pengunjung pasar. Lebih baik lagi sekiranya mereka dilengkapi dengan visor infra-red yang akan membolehkan mereka untuk menyaring tanpa mengganggu pergerakan orang ramai.
3. Pengawalan Covid 19 di Malaysia amat memerlukan kerjasama dan kepercayaan dari 6 juta pekerja migran yang berada di dalam negara. Mereka mesti tampil ke depan untuk disaring apabila mempunyai gejala. Mereka juga mestilah bersedia untuk mendedahkan butiran tentang di mana mereka tinggal supaya pegawai Kementerian Kesihatan boleh melakukan pengesanan kontak. Kontak juga mesti bersedia untuk tinggal di pusat kuarantin yang disediakan untuk masa dua minggu.

Tahap kerjasama mereka sebegini memerlukan satu moratorium dari segi tangkapan, tahanan dan hukuman/penghantaran pulang atas kesalahan imigresen. Mengambil langkah yang kasar akan menyebabkan mereka mencari jalan untuk mengelak dari terserempak dengan agensi kerajaan termasuk pegawai kesihatan dan ini tentunya akan mengganggu proses pengawalan Covid 19. Tambahan kepada itu juga, satu polisi untuk caj mereka dengan bayaran tambahan di hospital dan klinik kerajaan juga perlu diketepikan buat masa ini. Kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia bergantung kepada bagimana kita menangani populasi pekerja asing ini.

F. Tuntutan Keenam : Mengambil Alih Kilang2 Yang Tutup

Imperial Garment, sebuah kilang tekstil di Tasek, Ipoh, telah memaklumkan kepada pekerjanya yang seramai 14000 orang, bahawa kilang tersebut akan ditutup. Pemiliknya, TAL Group yang berpengkalan di Hong Kong, mengaitkan keputusan ini dengan pengurangan tempahan dan juga persaingan dengan pesaing yang beroperasi di lokasi yang mempunyai kos lebih murah. Kilang ini sepatutnya diambil alih oleh kerajaan dan digunakan untuk menghasilkan pakaian PPE dan juga topeng muka. Jika ianya mempunyai kapasiti yang mencukupi, kita juga boleh membekalkan PPE kepada negara-negara jiran pada harga subsidi (dan mungkin juga ke negara miskin seperti di Afrika).

Cadangan

1. Kilang-kilang yang mengeluarkan barang keperluan atau **boleh diubahsuai untuk mengeluarkan produk yang diperlukan untuk melawan Covid 19** (seperti thermometer infra-red, visor, peralatan ujian Covid 19) perlu diambil alih oleh kerajaan supaya ianya boleh digunakan untuk mengeluarkan barang keperluan ini.
2. **Kerajaan mengambil alih kilang strategic yang ditutup.** Pengurusan kilang-kilang ini boleh diambil alih dan reformasikan pengurusannya agar melibatkan para pekerjanya dalam proses pengurusan. Kerajaan mesti menyediakan kemudahan seperti pinjaman dengan kadar bunga yang rendah dan menjamin pembelian sekurang-kurangnya sebahagian dari produk yang dihasilkan oleh kilang pengurusan pekerja demikian menyokong jualan produk mereka.
3. Mesti juga mengenakan syarat bahawa sekurang-kurangnya 80% tenaga kerja adalah warganegara Malaysia.
4. **Satu agensi bebas perlu dibentuk untuk mengawal selia kilang-kilang** yang diambil alih melalui skim ini dan prestasi syarikat mestilah dipaparkan untuk pandangan umum pada setiap suku tahun. Kilang-kilang dengan prestasi yang lemah perlu diambil tindakan seperti perubahan pengurusan.

G. Tuntutan Ketujuh : Memperuntukkan semula sumber Negara mencapai sasaran hijau

Kemelesetan ekonomi akan mengakibatkan kapasiti industri yang tidak terpakai. Sebagai contoh, sektor pembinaan dan rantaian bekalannya akan menghadapi permintaan yang rendah dan akan mempunyai kapsiti yang berlebihan.

Cadangan⁵

1. **Menggunakan kapasiti yang lebih ini untuk menangani masalah bekalan perumahan yang tidak mencukupi** dengan membina 200 buah rumah teres atau flat



kos rendah di setiap daerah dalam negara kita. Unit-unit ini harus disewakan pada kadar rendah kepada keluarga muda dan juga mereka yang tidak mempunyai rumah sendiri. (200×222 kawasan parlimen = 44,400 unit semuanya. Satu jumlah yang tidak terlalu tinggi untuk permulaan usaha ini.)

2. Dalam kaedah yang sama, sebahagian dari kapasiti yang berlebihan itu harus diguna untuk **membersihkan dan memperbaiki rumah flat kos rendah** yang telah terlalu usang – memperbaiki lif, pemegang tangga, taman permainan , dan mencat baharu.
3. Hanya 10 dari 170 kawasan tambakan yang digunakan untuk buangan sisa domestik diklasifikasikan sebagai “sanitary”. Kapasiti yang berlebihan di sektor pembinaan boleh dipakai untuk **membina sistem kitar semula sisa dan pembuangan** ‘sanitary’ bersepadu yang lebih teratur di setiap daerah di negara kita.
4. Bolehkah juga kita menanam semula pokok-pokok di hutan dan membersihkan sungai yang tercemar? Ada beribu-ribu orang yang menganggur. Pakai tenaga dan kemahiran mereka untuk **memulihkan sungai dan hutan kita!**
5. Satu benda lain yang boleh dilaksanakan adalah memperkenalkan satu skim di mana agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan menyewa bahagian bumbung rumah kos rendah dan **memasang panel solar**. Skim ini boleh membantu pendapatan kepada keluarga yang menduduki rumah-rumah terlibat samping menambahkan pengeluaran tenaga boleh diperbarui di negara kita.

Idea di sebalik program-program yang disimpulkan di atas adalah untuk membekalkan barang dan perkhidmatan yang amat diperlukan oleh masyarakat kita dan pemuliharaan alam sekitar. Program-program ini dapat **mewujudkan peluang pekerjaan** kepada puluhan ribu rakyat Malaysia yang kehilangan kerja. Program ini juga akan mewujudkan permintaan dalam pasaran domestik dan gaji yang dibayar kepada pekerja yang diambil akan mewujudkan permintaan yang lebih segar untuk perniaga-perniaga kecil di pasar-pasar di seluruh negara kita. Ini akan menghentikan graf kemelesetan dan memulakan semula ekonomi ke arah pemulihan.

Pihak kerajaan perlu berbincang dengan para pakar dalam bidang-bidang yang terlibat dan juga mendapatkan pandangan masyarakat untuk memastikan kefahaman menyeluruh tentang skim-skim ini agar hasilnya dapat dicapai sepertimana kita kehendaki. Ketelusan dalam penganugerahan kontrak dan sistem pemantauan yang teratur perlu diwujudkan supaya penyelewengan di kurangkan ke kadar serendah yang boleh.



Syor menggunakan kapasiti berkelebihan untuk mencapai sasaran sosial dan hijau adalah realistik, dan berpotensi menjadikan Malaysia lebih adil dan mampan, tetapi memerlukan perbincangan terperinci sebelum boleh dilaksanakan.

H. Tuntutan Kelapan : Mempromosikan Hak Asasi Manusia dan Penvertaan Demokratik

Terdapat kecenderungan dalam kepimpinan hari ini untuk condong kepada autoritarianism. Ini mengakibatkan penangkapan dan pemenjaraan mereka yang tidak mematuhi PKP, siasatan polis terhadap wartawan yang mendedahkan kesilapan kerajaan, dan dalam keadaan terkini di mana 147 orang pekerja asing melarikan diri dari pusat kuarantin (*Star 7/5/20*) setelah ujian terhadap mereka dilakukan (kerana mereka mendengar bahawa pihak imigresen sedang dalam perjalanan untuk memeriksa dokumen mereka). Jadi, apa yang kita perlu lakukan sekarang jika ujian itu menunjukkan hasil yang positif? Kita perlukan kerjasama semua orang termasuk rakyat Malaysia dan juga 6 juta pekerja asing untuk menangani cabaran Covid 19 ini.

Cadangan

1. **Kerajaan harus membuka ruang supaya orang awam dapat memberi maklumbalas terhadap langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan** untuk mengatasi masalah Covid dan masalah kegawatan ekonomi. Maklumbalas ini akan membantu kerajaan dalam mengubahsuai program tersebut supaya lebih tepat dan berkesan. Untuk membolehkan penglibatan rakyat umum, transparensi terhadap terma kontrak-kontrak yang dikeluarkan adalah amat penting. Ini akan buka ruang untuk rakyat umum mengadu kepada kerajaan sekiranya ada projek yang tidak mengikut spesifikasi. Kerajaan perlu mewujudkan sistem ombudsmen yang mana orang awam boleh membuat aduan sekiranya mereka rasa tindakan pihak polis, atau mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa adalah terlampau. Sistem ombudsmen ini juga perlu mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menghadapkan agensi penguatkuasaan ke satu sesi pendengaran untuk menentusahihkan aduan tersebut.

2. Kerajaan perlu **mengumumkan satu moratorium penguatkuasaan imigresen** bagi tempoh satu tahun akan datang. (Sila rujuk E – 3) Malangnya, pihak berkuasa kelihatan membisu walaupun perkara ini telah banyak kali disuarakan oleh NGO dan juga aktivis masyarakat supaya moratorium seperti disebut di atas, diisyiharkan.



3. Langkah yang perlu diambil untuk mewujudkan jaminan bahawa aplikasi pengesanan yang dipromosikan oleh kerajaan adalah sekadar langkah sementara yang akan dihentikan apabila wabak Covid 19 berada di dalam kawalan. Sistem pengesanan digital tidak seharusnya dijelmakan ke satu bentuk pemantauan berterusan terhadap politikus pembangkang atau aktivis dan jurnalis yang mempunyai pandangan berbeza dengan kerajaan.
4. Sistem 'check and balance' yang telah disebut beberapa kali dalam kertas cadangan ini, memerlukan khidmat nasihat dan juga penglibatan pemimpin tempatan untuk melaksanakan dan juga menilai berbagai program yang telah dinyatakan. Penyertaan dari orang ramai juga dianggap sebagai salah satu dari cara yang berkesan untuk mengelakkan terlalu banyak pembaziran disebabkan nepotisme, kronisma dan korupsi.

Anggaran Dana untuk Lapan Tuntutan Kempen

1. Tuntutan Pertama: Meningkatkan Jaminan Keselamatan Makanan

Cadangan	Kos kepada Kerajaan Persekutuan
Menuntut agar syarikat perladangan memperuntukkan 10% daripada tanah yang dimiliki untuk mengusahakan pertanian seperti padi dan jagung.	Tiada kos tambahan
Pajakan tanah kerajaan selama 20 tahun untuk tujuan pertanian dan penternakan.	Tiada kos tambahan. Dapat menjana pendapatan kepada kerajaan negeri.
Menggalak pekebun kecil getah dan kelapa sawit untuk turut mengusahakan tanah mereka dalam bidang pertanian agar menampung meningkatkan bekalan makanan	Tiada kos tambahan
Skim pencen tua bagi pesawah padi	RM192 juta setiap tahun ^a

a. Atas jangkaan hanya 25% daripada pesawah padi yang memenuhi syarat untuk skim pencen pada tahun 2020: - $40,000 \text{ pesawah padi} \times \text{RM}400 \text{ sebulan} \times 12 \text{ bulan} = \underline{\text{RM}192,000}$

2. Tuntutan Kedua: Skim UBI (Yang diubahsuaikan)

Berdasarkan jangkaan 2 juta keluarga akan memerlukan bantuan ini : -

$2 \text{ juta} \times \text{RM}1000 \text{ sebulan} \times 12 \text{ bulan} = \underline{\text{RM}24 \text{ billion setahun}}$

3. Tuntutan Ketiga: Skim Subsidi Sewa Rumah

Cadangan	Anggaran Kos
Kerjaaan kena membayar subsidi sewa rumah bulanan bagi penyewa yang tidak sanggup membayar sewa penuh.	RM 2.25 billion setiap tahun ^b

b. Berdasarkan anggaran

- 625,000 keluarga akan memerlukan bantuan ini



- purata sewa bulanan keluarga-keluarga ini adalah sebanyak RM600
- pihak kerajaan perlu menampung 50% daripada sewa bulanan: -
 - . 625,000 keluarga x RM300/sebulan x 12 bulan = RM2.25 billion setahun

4. Tuntutan ke-Empat: Meningkatkan Kapasiti Perkhidmatan Kesihatan

Semua saranan yang dikemukakan memerlukan penambahan dalam belanjawan Kementerian Kesihatan daripada peruntukan semasa bernilai RM31.5 billion ke RM36 billion. Jumlah pernambahan dalam belanjawan adalah sebanyak RM4.5 billion.

5.Tuntutan kempen ke-Lima: Memastikan Keselamatan Golongan Awam

Cadangan	Anggaran Kos
Pelaksanaan kod warna bagi daerah untuk menentukan jenis aktiviti yang dibenarkan	Tiada kos tambahan
Memantau tempat awam menggunakan thermometer inframerah	RM 44 juta ^c
Moratorium terhadap kesalahan imigresen	Ini boleh mengurangkan kos dalam pemenjaraan dan tindakan di mahkamah
Rawatan pekerja migran di hospital kerajaan dengan caj yang dinikmati oleh warganegara Malaysia	RM 0.8 billion ^d

c. Atas jangkaan kos thermometer infra-merah adalah RM200,000 untuk tiap satu Kawasan Parlimen: -

$$222 \text{ kawasan parliment} \times \text{RM}200,000 = \underline{\text{RM}44,400,000}.$$

d. Peruntukan untuk perkhidmatan hospital dalam Belanjawan 2020 adalah RM14.221 billion. Ini merangkumi kos merawat 32 juta penduduk Malaysia. Jika diagih mengikut per kapita ianya adalah RM444 seorang setahun. Oleh kerana hampir semua pekerja migran adalah dalam lingkungan umur di antara 20 dan 55 tahun, mereka memerlukan perkhidmatan kesihatan pada kadar 0.3 per kapita jika disbanding populasi Malaysia (yang di kalangannya mempunyai ramai penduduk muda dan tua): -

$$0.3 \times 6 \text{ juta} \times \text{RM}444 = \underline{\text{RM}799 \text{ juta setahun}}.$$



(Harus dingatkan bahawa hasil pungutan levi pekerja asing adalah pada RM3 billion setiap tahun. Pihak mana yang memberi subsidi dan pihak mana yang menerimanya sebenarnya?)

6. Tuntutan Ke-Enam: Mengambil-alih kilang-kilang yang ingin ditutup

Usaha pemerolehan aset syarikat swasta haruslah dilaksanakan secara adil dan boleh mengambil contoh daripada Akta Pengambilan Tanah. Mengikut Akta ini, harga pasaran tanah dinilai secara profesional dan Kerajaan membayar harga tersebut kepada tuan tanah. Ada juga peruntukan dalam Akta ini yang memberi kuasa kepada tuan tanah untuk mempertikaikan penilaian pihak kerajaan di mahkamah jika mereka rasa tawaran harga bagi tanah adalah terlalu rendah.

Kaedah ini harus dimaktubkan dalam sebuah Akta serupa supaya nilai bangunan dan jentera dalam kilang yang ingin ditutup dapat ditentukan oleh penilai bertauliah dan jumlah itu dibayar kepada pemilik kilang.

Kami tidak mempunyai data terhadap kilang-kilang yang ingin ditutup oleh pemilik dan oleh itu tidak dapat memberi anggaran kos melaksanakan tuntutan ini. Namun, kami memberi jangkaan kos RM3 billion sebagai satu jangkaan hipotetikal buat masa ini.

7. Tuntutan ke-Tujuh: Memakai kapasiti masyarakat untuk mencapai matlamat sosial dan untuk memulihkan alam sekitar

Cadangan	Anggaran kos
Membina 200 rumah kos rendah di setiap kawasan parlimen	RM 3.1 billion ^e
Majlis Tempatan mengambil alih pengurusan flat kos rendah dan RM 0.5 billion ^f melaksanakan kerja pembaikan dan pemulihan semua flat kos rendah.	
Membaiki perkhidmatan pelupusan sampah di seluruh Malaysia	RM 1 billion ^g
Program penghutanan ¹ semula	RM 1 billion ^h

Memasang panel solar untuk 200 unit rumah di setiap Kawasan Parlimen RM 1.33 billionⁱ

e. 222 kawasan x 200 rumah x RM70,000 per unit = RM3.108 billion (Jika skim ini boleh menggaji sesetengah pekerja di bawah Skim Jaminan Pendapatan Asas maka pihak kerajaan boleh jimatkan kos perbelanjaan itu)

f. Ini adalah satu anggaran sahaja. Perlu memastikan kerja-kerja pemulihan yang harus dilaksanakan. Kita telah memperuntukkan RM500 juta sebagai nilai awalan untuk memulakan kerja-kerja ini. Namun, seperti perbelanjaan yang lain, ketelusan dan pengawasan adalah amat penting!!!

g. Lab Pengurusan Sisa Pepejal di bawah Pemandu pada 2015 telah mencadangkan untuk membentuk 23 perkhidmatan Tapak Pelupusan Sanitari, setiapnya dihubungkan ke rangkaian Stesen Pertukaran. Ikut pelan Lab, sisa pejal isi rumah harus diasingkan di punca mengikut sisa dapur dan lain-lain. Bio-methane dari sisa dapur digunakan untuk menjana elektrik, manakala sisa bukan dapur dikitar semula dan hanya sedikit (umpamanya produk plastic) perlu dilupuskan. Peruntukan RM1 billion tidak mencukupi untuk semua yang dicadangkan oleh Lab Sisa Pepejal 2015 tetapi dana ini boleh memulakan usaha ini.

h. Malaysia mempunyai keluasan tanah sebanyak 33 juta hektar. Dari keluasan ini, 15% adalah hutan dara dan 38% atau 12.5 juta hektar tanah adalah hutan yang telahpun dibalak. Jika diandaikan ia mengambil RM60,000 untuk penghutanan semula satu hektar tanah, maka 1 billion boleh memulakan pemulihan 200,000 hektar tanah melalui penghutanan semula.

i. Atas anggaran kos panel solar adalah RM33,000 untuk tiap satu rumah: -

$$\text{RM } 33,000 \times 200 \text{ buah rumah} \times 222 \text{ kawasan PArlimen} = \text{RM } 1.33 \text{ billion}$$

8. Tuntutan ke-Lapan: Mempromosikan hak Asasi Manusia dan Penyertaan Demokratik

Cadangan	Kos
Wujudkan sistem ombudsmen untuk menerima aduan rakyat terhadap agensi kerajaan yang bersikap keras.	Tiada kos tambahan jika BPA dapat diperkasakan



Memastikan pemantauan digital untuk mengawal wabak Covid tidak Tiada kos
dikekalkan sebagai sistem mengintip politikus pembangkang, NGO dan tambahan wartawan.

Menyertakan pemimpin tempatan dalam pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program-program untuk kebajikan rakyat. Tiada kos tambahan

Jumlah Dana untuk Melaksanakan Tuntutan 1 hingga 8

Cadangan	Kos
Skim pencen tua bagi pesawah padi	RM 192 juta setahun
Skim Jaminan Pendapatan Asas	(RM 24 bilion setahun) RM 14 bilion untuk 7 bulan
Skim Subsidi Sewa Rumah	(RM 2.25 bilion per year) RM 1.3 bilion untuk 7 bulan
Memperkasakan Sistem Kesihatan Umum	RM 4.5 bilion
Menjamin keselamatan orang awam Thermometer infra merah Rawatan perubatan untuk pekerja migran	RM 44 juta RM 0.8 bilion
Mengambilalih kilang-kilang yang ingin menutup	RM 3 bilion
Projek sosial dan untuk memulihkan alam sekitar Pembina 44,400 rumah kos rendah Projek-projek membaiki rumah pangsa kos rendah Memantapkan perkhidmatan pelupusan sampah Memulihkan hutan yang telah dibalak Program memasang panel solar	RM 3.1 bilion RM 0.5 bilion RM 1 bilion RM 1 bilion RM 1.4 bilion
Jumlah (May till December 2020)	RM 30.84 bilion

31 bilion bukan satu amaun yang kecil. Tetapi ia juga bukan sejumlah yang “tidak masuk akal”! Jika disbanding dengan jumlah-jumlah yang telahpun diluluskan dalam 5 bulan yang lalu untuk program-program penajaan ekonomi kita dapat memerhati bahawa –

a. Belanjawan Persekutuan 2020 yang diluluskan pada bulan Disember 2019 mengandungi anggaran seperti berikut :-

Pendapatan kerajaan bagi tahun 2020	RM 244.53 bilion ⁶
Perbelanjaan bagi tahun 2020	RM 296.25 bilion
Defisit Kerajaan untuk 2020	RM 51.72 bilion (3.2% KDNK)
(<i>Public Finances Statistics</i>)	



- b. Pakej Penjanaan RM 20 bilion yang diumumkan oleh Tun Dr Mahathir pada 27/2/2020 :-
- Mengandungi perbelanjaan langsung Kerajaan Persekutuan sebanyak RM3.23 bilion
- c. Pakej merangsangkan ekonomi berjumlah RM 250 bilion yang diumumkan oleh Tan Sri Muhyiddin pada 27/3/2020 :-
- Perbelanjaan langsung Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM25 billion.
- | | |
|--------------------------------------|------------------------------|
| - Kementerian Kesihatan | RM 1.5 bilion |
| - Elaun khas frontliners | RM 10.1 bilion |
| - Bantuan Prihatin Nasional | RM 0.27 bilion |
| - Pelajar dim kolej dan universiti | RM 0.5 bilion |
| - Diskaun TNB | RM 0.75 bilion |
| - Bayaran kepada kakutangan kerajaan | RM 0.425 bilion |
| - Bayaran kepada pesara | RM 0.164 bilion |
| - Sektor pertanian | RM 5.9 bilion |
| - Skim subsidi gaji 3 bulan | RM 0.06 bilion |
| - Pemandu E hailing | RM 0.11 bilion |
| - Pekerja kontrak di sekolah | RM 4.5 bilion |
| - Penambahan dana pinjaman bagi SME | <u>RM 24.3 bilion</u> |
| Jumlah | <u>RM 24.3 bilion</u> |
- d. Pakej Tambahan yang diumumkan oleh Tan Sri Muhyiddin pada 6/4/2020 :-
- Perbelanjaan langsung Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 9.8 bilion, ia-itu
 - jumlah tambahan sebanyak RM 7.7 bilion untuk skim subsidy gaji
 - RM 2.1 bilion untuk 700,000 perniagaan mikro

Jumlah keseluruhannya perbelanjaan kerajaan untuk merangsangkan ekonomi sehingga sekarang adalah **RM 38 bilion (3.23 + 25 + 9.8)**. Sebelum ini pun, deficit perbelanjaan persekutuan adalah dianggar sebesar RM52 bilion untuk tahun 2020. Kita harus mengingati diri bahawa anggaran deficit ini adalah didasarkan pada situasi ekonomi yang biasa di mana harga minyak petroleum adalah lebih kurang USD 60 per barrel sepanjang 2020. Selain daripada itu, kegawatan ekonomi yang sedang berlangsung akan mengurangkan pengutipan cukai korporat dan cukai individu secara yang mendadak. Oleh itu, pendapatan kerajaan untuk tahun 2020 tidak akan mencapai sasaran RM 244.5 bilion seperti yang dianggarkan pada bulan Disember 2019. Sekiranya kita menganggap bahawa pendapatan Kerajaan akan menurun sekitar 20%, maka jumlah defisit keseluruhan pada ketika ini adalah



Defisit dianggarkan pada Disember 2019 RM 52 bilion

3 Paket Rangsangan RM 38 bilion

Kekurangan Pendapatan dalam Kerajaan Persekutuan RM 49 bilion

Jumlah Defisit RM 139 bilion

Ini bersamaan dengan 8.6% daripada KDNK dengan anggapan bahawa KDNK kekal pada RM1616 bilion (tetapi KDNK hampir pasti lebih kecil daripada itu. Maka defisit ini akan lebih daripada 8.6%). Sekarang PSM pula mencadangkan untuk menambah defisit sebanyak RM32 bilion lagi dan menambahkannya ke RM 171 bilion! Dari mana wang itu akan diperolehi?

Sumber Hasil Kerajaan yang Biasa⁶

Pendapatan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 berasal dari sumber-sumber berikut – Cukai langsung RM135.6 bilion

Korporat	RM 70.8 bilion
Individu	RM 35.2 bilion
Petroleum`	RM 17.9 bilion
Lain-lain	RM 11.7 bilion

Cukai Tidak Langsung RM 44.4 bilion

Cukai Jualan	RM 15.5 bilion
Cukai Perkhidmatan	RM 11.3 bilion
Eksais	RM 10.5 bilion
Lain-lain	RM 7.0 bilion

Royalti Petroleum RM 35 bilion

Hasil Bukan Cukai Lain-lain RM 48.3 bilion

Pinjaman Baru RM 51.9 bilion

Jumlah Pendapatan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2019 = RM 315 bilion

CADANGAN PSM terhadap SUMBER TAMBAHAN DANA PERSEKUTUAN

1. 10% potongan belanjawan operasi semua Kementerian.

Kita boleh memilih untuk mengurangkan Belanjawan Operasi kita (dianggar sebanyak RM 244 bilion dalam Belanjawan 2020) sekitar 10%. Semua Kementerian kecuali Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri boleh diminta mengkaji balik anggaran operasi mereka dan mengurangkannya sehingga 10%. Kaedah ini telah dilakukan pada kemelesetan ekonomi tahun 1986-1987 dan sekali lagi pada kemelesetan 1998-1999. Usaha ini akan menjimatkan RM 20 bilion atau lebih.

2. Cukai Kekayaan - cukai individu yang terkaya di Malaysia

Kita tidak ada cukai kekayaan di Malaysia sehingga sekarang. Cukai negara kita adalah terhadap pendapatan semasa sahja. PSM mencadangkan satu cukai baru terhadap kekayaan individu dengan aset yang melebihi RM 1 bilion. Hanya 50 individu di Malaysia yang memiliki aset berjumlah RM 1 bilion ke atas. Aset mereka merangkumi wang tunai, deposit bank, saham, aset tetap, kereta peribadi, harta tanah, barang emas dan rumah-rumah. Golongan terkaya ini harus dicukai dengan kadar 2% untuk mereka yang memiliki asset di antara RM 1 bilion hingga ke RM 2 bilion. Kadar cukai kekayaan harus di tingkatkan secara berperingkat ke 10% untuk mereka yang memiliki RM 30 bilion ke atas.

Ini akan menghasilkan sekitar **RM 20 bilion setahun** dari billionaire di negara kita seperti dipamerkan di table yang berikut.

No	Nilai Kekayaan (RM)	% Cukai	Kekayaan dalam RM (USD)	Hasil cukai
1	1 bil - 2bil	2%	YawTS - 2bil (480m) Desmons Lim- 2 bil (470m) Patrick Grove- 2 bil (465m) Kong CS- 1.82b (420m) Azman Hashim - 1.77b (410m) Mohd Abd Karim - 1.75 (405m) OngLH - 1.58b (365m) Abd Kadir Sahib- 1.56b (360m) LohKC - 1.54b (355m) Wong TS- 1.47b (340m) Tong Fern- 1.45b (335m) Wen Chiu Chi - 1.41b (325m) Kamarudin M - 1.36b (315m) Wong TS- 1.34b (310m) Mokh Mahatir - 1.32b (304m) GooiSL - 1.25b (290m) Chu JW- 1.21b (280m)	Jumlah 488 juta

Kong PL - 1.2b (275m) Yong PC- 1.15b (265m) OhKE - 1.10b (255m)			
2.1b- 5b	4%	Cheah CH - 2.58b (595m) GohPO - 2.6b (600m) LimHW - 2.65b (610m) Ahmayudina - 2.7b (620m) Danny Tan- 2.8b (665m) SyedAzmanSIB - 2.9b (675m) Vincent Tan- 3.25b (750m) Lim Kang H- 3.32b (765m) Lee oi - 3.62b (835m) David Kong- 3.9b (900m) Ninian Mogan - 4.2b (970m) Ngau BK- 4.23b (975m) Tiong Hiew- 4.23b (976m) Surin Opat - 4.25b (980m) Gnanalingam - 4,34b (1b)	Jumlah 1.46 bilion
5b-10b	6%	Lim Wee Chai - 5.8b (1.35b) Syed Mokhtar - 6.07b (1.4b) Jeffreey Cheah - 6.3b (1.45b) Francis Yeoh - 7.4b (1.7b) Lau Cho Kun- 9,9 b (2.3b)	Jumlah 1.62 bilion
10.1b-30b	8%	Kuan Kam Hon- 12.1b (2.8b) Koon PK- 13b (3b) Lim Kok Thay - 13.9b (3.2b) Lee Yeow Chor - 20.8b (4.8b) The Hong Piow - 21b (4,85b) Chen Lip Keong - 23b (5,3b) Ananda k- 25.6b (5.9b)	Jumlah 8.95 bilion
30b-50b	10%	Quek LC- 42.1b (9.7b) Robert Kuok - 49.9B (11.5b)	Jumlah 8 bil
JUMLAH KESELURUHAN			20.52 bilion

Anggaran kekayaan didasarkan pada senarai Forbes



3. Mengatasi Masalah Pengelakan Cukai

Syarikat multinasional dan juga billionaire sedang pakai kepakaran akauntan mereka untuk mengelak daripada membayar cukai. Ini merupakan penipuan rakyat pada skala yang besar. Satu antara kaedah yang mereka guna adalah kaedah "*transfer pricing*" di mana barang yang mereka jual ke anak syarikat mereka yang bertapak di wilayah kadar cukai rendah dijual dengan harga yang terlalu rendah supaya bila barang itu dijual kepada negara barat dengan harga sebenarnya, untung jualan itu masuk ke akaun anak syarikat dan tidak dikenakan cukai Malaysia walaupun barang itu dibuat di Malaysia. Kita perlu bekerjasama dengan negara-negara lain di secara multi-lateral untuk menyekat amalan ini. Tax Haven (Wilayah yang melindungi daripada cukai) harus dikawal dan undang-undang baru harus digubal dalam sistem WTO untuk mengurangkan penipuan cukai yang berleluasa sekarang.

Kita juga perlu memperkenalkan cukai ke atas urus niaga kewangan serta langkah-langkah lain untuk memastikan bahawa syarikat dan individu terkaya membayar cukai yang mereka harus membayar. Tetapi usaha ini akan mengambil masa bertahun-tahun kerana kita kena mengatasi aspek-aspek terburuk dari liberalisasi peraturan kewangan yang telah berlaku di bawah WTO dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas selama 40 tahun yang lalu. Usaha ini memerlukan pembinaan gabungan antarabangsa negara-negara Dunia Ketiga dan pergerakan Cukai Adil di Barat. Ini adalah satu strategi jangka masa panjang yang penting. Tetapi kita tidak boleh mengharapkan usaha ini akan memenuhi keperluan kita untuk pendapatan tambahan bagi kerajaan kita dalam tahun 2020.

4. Meminjam lagi daripada sektor swasta

Kerajaan boleh mengeluarkan lebih banyak bon kerajaan⁷ "MGS" ataupun Sekuriti Kerajaan Malaysia yang akan dibeli oleh syarikat dan bank swasta. Masalahnya ialah apabila beban hutang kerajaan meningkat, ianya akan mewujudkan komitmen masyarakat masa depan untuk membayar balik hutang ini. Pada takat ini, Malaysia mempunyai kira-kira RM 799 bilion MGS yang perlu diservis – bayaran "bunga" yang diperlukan dalam tahun 2019 adalah RM 33 bilion (bererti kadar faedah efektif adalah 4.13%). MGS-MGS ini kena dibayar balik modalnya bila habis tempoh pinjaman – ini bererti jumlah RM 799 bilion itu harus dibayar balik secara berperengkat dalam 30 tahun yang akan datang! Oleh itu ianya bukan satu idea yang baik untuk meningkatkan hutang kerajaan kepada sektor swasta secara mendadak.



5. "Pengewangan Hutang" (Monetization of Debt)⁸

Ini adalah strategi di mana Kerajaan menjual Sekuriti Kerajaan kepada Bank Negara dengan kadar faedah yang sangat rendah (mungkin 0.1%) Dengan kata lain, kerajaan persekutuan meminjam dari Bank Negara. Kaedah ini akan memberikan dana yang diperlukan kepada pemerintah tanpa meningkatkan beban pembayaran bunga terhadap hutang itu.

Ini bukan suatu idea yang dicipta oleh PSM. Sebenarnya urusan kewangan seperti ini sedang dilaksanakan oleh beberapa negara seperti Jepun, Australia, New Zealand, Indonesia, India dan Bank Pusat Eropah untuk menjana dana bagi perbelanjaan kerajaan.

Bloomberg melaporkan bahawa Bank Negara Indonesia akan memegang 11% daripada hutang kerajaan menjelang Februari 2021, sementara Bank Negara Australia dan New Zealand masing-masing memegang 24% dan 39% hutang kerajaan negara-negara itu. Bank Resef India kelihatan bersedia untuk meningkatkan pemilikan hutang kerajaan ke 15% jumlah pinjaman kerajaan India. (Starbiz 29/4/2020. Halaman depan)

s

Kelebihan strategi ini adalah:

1. Kerajaan kita akan memperoleh RM 31 bilion untuk membayai program komprehensif pengangguran, program subsidi sewa rumah, program-program untuk menzvvvvvghijau Malaysia serta beberapa inisiatif lain dalam program solidariti.
2. Dana yang dibelanjakan untuk rakyat akan memacu pengeluaran produk makanan dan akan mengaktifkan rantai bekalan makanan dan keperluan asas lain. Keperluan asas rakyat kita akan dipenuhi melalui sistem pasaran yang sedia wujud bila dana membeli adalah ditangan kesemua rakyat. Pada masa yang sama, rangsangan rantai bekalan keperluan asas akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan membantu mengurangkan masalah pengangguran. Ini akan memainkan peranan besar dalam mengatasi kejutan kemelesetan ekonomi yang disebabkan oleh wabak Covid-19 .
3. Projek yang memberi tumpuan kepada perumahan dan strategi hijau akan meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua rakyat Malaysia.
4. Ini tidak akan membebankan pembayaran hutang kita , kerana kita meminjam dari Bank Negara kita sendiri dengan kadar faedah yang sangat rendah.
5. Fakta bahawa kita tidak merupakan pelopor strategi "debt monetization" bermaksud bahawa ia tidak akan menimbulkan kerisauan yang keterlaluan di kalangan agensi penilai prestasi kredit negara-negara dan menyebabkan penurunan status kredit kita.

Kesan "Debt Monetization" terhadap Kadar Pertukaran Matawang RM

Terdapat kelemahan pada strategi "pengewangan hutang" yang mesti kita beri perhatikan. Kelemahan utama adalah kesannya terhadap nilai mata wang ringgit. Nilai ringgit banyak bergantung pada keseimbangan antara penawaran ringgit dan permintaannya di pasaran antarabangsa. Peniaga akan menukar mata wang mereka menjadi ringgit apabila mereka ingin membeli kelapa sawit, getah, komoditi lain, barang perkilangan, saham di BSKL dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Peniaga akan ingin menukar ringgit yang mereka pegang ke mata wang asing apabila mereka menjual barang ke Malaysia (dibayar dalam ringgit), mereka keluar dari Bursa Saham KL, atau mereka mengembalikan keuntungan yang dibuat di Malaysia ke negara asal mereka atau ketika mereka menjual MGS yang mereka perolehi.

Kegiatan ekonomi yang meningkatkan permintaan terhadap ringgit	Kegiatan ekonomi yang meningkatkan penawaran ringgit di pasaran antarabangsa
Eksport komoditi Malaysia dan barang lain	Import barang dan perkhidmatan
Pembelian saham di BSKL oleh individu atau institusi asing	Penjualan saham BSKL oleh individu atau institusi asing
Pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia	Penjualan Sekuriti Kerajaan Malaysia di pasaran bon sekunder ¹⁰ Penghantaran balik keuntungan dan pendapatan pekerja asing Pembelian aset asing oleh syarikat dan individu Malaysia.

Ringgit berada dalam "apungan terkawal"¹¹ di mana nilai sebenar berbanding mata wang lain ditentukan oleh mekanisma pasaran. Jika terdapat lebih banyak orang yang ingin menukar ringgit menjadi mata wang asing daripada sebaliknya, ia akan menekan nilai ringgit ke bawah. Sekiranya nilai ringgit merudum, maka semua import negara termasuk bahan makanan, ubat-ubatan, alat perubatan dan alat mesin yang penting akan menjadi lebih mahal, dan ini boleh menyebabkan inflasi.

Tetapi dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang wujud sekarang, pemindahan wang ke tangan keluarga-keluarga yang berkurangan duit untuk memenuhi keperluan asas tidak akan menyebabkan peningkatan besar dalam impot dan menjelaskan nilai ringgit. Pemindahan wang



ini akan menghasilkan pengeluaran barang dan perkhidmatan penting yang kebanyakannya dihasilkan oleh industri dalam negeri. Oleh itu, nampaknya strategi "pengewangan hutang" ataupun "debt monetization" adalah kaedah yang paling tepat digunakan untuk meningkatkan kewangan kerajaan di keadaan kemelesetan yang kita hadapi.

Tekanan negative terbesar terhadap nilai ringgit pada takat ini adalah pengeluaran modal pihak pelabur asing⁹ yang sedang menjual syer-syer di pasaran saham KLSE dan bon-bon kerajaan Malaysia kerana ingin membeli aset finans di Amerika Syarikat ataupun Eropah yang memberi pulangan yang lebih baik.

Berapakah jumlah "Monetization of Debt" yang kita harus lakukan dalam tahun 2020?

Selain daripada RM 171 bilion yang perlu untuk menampung deficit dalam belanjawan (rujuk muka surat 19), kita juga memerlukan dana sebanyak RM 80 billion untuk membayar balik¹² bon kerajaan yang akan tamat tempoh hayatnya dalam tahun 2020. (Untuk 20 tahun yang lalu kerajaan kita telah memakai kaedah ini untuk selesaikan hutang bon yang perlu dikembalikan kepada pemegang.) Jadi jumlah "pinjaman" yang perlu untuk Malaysia telah meningkat daripada RM 131 bilion (sebelum ekonomi kita digegar oleh wabak Covid dan kegawatan) ke RM 250 bilion sekarang.

Jika kita bergantung pada kaedah "debt monetization" untuk keseluruhan RM 250 bilion ini pasaran finans antarabangsa akan dibanjiri dengan Ringgit Malaysia, dan ini akan menekan nilai ringgit ke bawah.

Kita juga harus mengambil kira perkara-perkara berikut

- Pemilikan bon kerajaan oleh pelabur asing telah berkurang daripada RM 169 bilion pada Februari 2020 ke RM 147 bilion pada April 2020. (*Starbiz 27/4/2020 ms 5*).
- Jumlah pengeluaran dana asing daripada Bursa Saham KLSE dalam sejak April 2019 adalah RM9.1 billion. (*Starbiz 25/4/2020 Pg 16*)

Trend-trend seperti ini yang menambahkan jumlah ringgit di pasaran wang antarabangsa boleh menjejas nilai mata wang kita dan harus dipantau rapi oleh kerajaan dan Bank Negara. Penjualan bon kerajaan kepada sektor swasta adalah satu cara mengurangkan surplus wang ringgit di pasaran wang luar negara.

Syor PSM adalah sebahagian besar – mungkin RM 110 hingga 130 bilion daripada dana RM 250 bilion yang kita memerlukan tahun ini, diperolehi melalui penerbitan bon biasa yang dijual kepada pelabur swasta (iaitu mengikut kaedah biasa). Ini akan mengurangkan jumlah Ringgit



Malaysia di pasaran antarabangsa. Baki kewangan yang kita memerlukan – RM 120 hingga RM140 bilion boleh dijana melalui kaedah “debt monetization”.

PULIH NEGARA DEMI RAKYAT – PASTIKAN TIADA SESIAPA YANG KETINGGALAN TANPA DIBELA.

Kami telah melukiskan suatu program untuk menyelamatkan keadaan berdasarkan solidariti rakyat. Kami tidak mementingkan peningkatan KDNK Malaysia ataupun harap menjana pekerjaan yang mencukupi untuk semua rakyat. Kami faham bahawa dalam situasi ekonomi antarabangsa yang wujud sekarang kedua-dua matlamat itu amat sukar untuk dicapai. Sasaran kami jauh lebih rendah¹³ –

- keperluan asas – makanan, penginapan, perkhidmatan kesihatan, bekalan air dan elektrik – mesti dinikmati oleh semua penduduk Malaysia. Kita tidak boleh menkompromi terhadap matlamat ini!
- kapasiti ekonomi kita yang tidak dapat diguna kerana permintaan pasaran telah merudum buat masa ini harus dipakai untuk menyelesaikan masalah perumahan untuk rakyat kita – rumah-rumah PPR untuk disewa harus dibina dan rumah pangsa kos rendah harus dibaikpulihkan. Program menghijaukan negara kita juga harus dilaksanakan.
- sektor perniagaan kita termasuk yang kecil dan sederhana mesti dibantu kerana mereka mengandungi kapasiti untuk menjanakekayaan bila ekonomi berpulih. Mereka harus dibantu mengelak kemufusan dan ini mungkin memerlukan pinjaman tanpa bunga (untuk dua tahun yang pertama) supaya mereka dapat menjaga aset mereka. Adalah jangkaan kami bahawa bila ekonomi dunia memulih, perniagaan-perniagaan ini dapat beroperasi balik dan menjana pekerjaan untuk rakyat kita.

Kami berharap warga Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat akan turut serta dalam diskusi pelan tindakan yang dikemukakan oleh PSM untuk menangani Kemelesetan Ekonomi Covid-19.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kita berdepan dengan suatu krisis yang cukup besar. Krisis ini telahpun mengganggu cara masyarakat dan ekonomi kita berfungsi, dan akan terus merosotkan ekonomi untuk satu tahun yang akan datang. Seruan PSM adalah kita harus mengumpulkan sumber daya negara kita – dan sumber kita memang luas- untuk memastikan bahawa tiada sesiapa yang ketinggalan; setiap keluarga mendapat keperluan asas dan perkhidmatan asas yang diperlukan; semua orang akan terus dilindungi daripada Covid, dan bahawa kita dapat menggunakan kemampuan ekonomi kita yang kini kurang dimanfaatkan untuk menjadikan Malaysia suatu negara yang lebih baik. Menangani krisis Covid dengan



bersolidariti pasti akan membantu menyatukan rakyat kita, dan kita akan muncul daripada krisis ini sebagai negara yang lebih bersatu dan berharmoni.

Kami berpendapat bahawa cadangan-cadangan PSM di atas adalah relistik, namun, cadangan-cadangan ini harus diperbincangkan lagi. Kami berharap warga Malaysia akan turut menyumbang idea-idea mereka supaya program pro-rakyat ini dapat dimantapkan lagi dan seterusnya dilaksanakan. Kami berharap anda sekalian akan turut bersolidariti dalam usaha kami mengatasi cabaran-cabaran yang terbentang untuk mewujudkan suatu negara yang lebih berharmoni dan adil.

Dr.Jeyakumar Devaraj


Pengerusi Parti Sosialis Malaysia

Dokumen ini disediakan dengan konsultasi beberapa organisasi

- Dr. Lim Chee Han (Agora Society)
- ALIRAN, Penang

Nota

1. Kami menentang penerokaan hutan yang sedia ada untuk pertanian atau tujuan lain. Hutan yang terdapat harus dilestarikan dan dipulihkan. Itulah sebabnya kami mencadangkan agar 10% tanah perladangan kelapa sawit (keseluruhannya sekitar 5 juta hektar) digunakan untuk menghasilkan padi dan jagung gandum. Kini, 700,000 hektar tanah padi menghasilkan 70% keperluan padi kita. Kita memerlukan 300 - 400 ribu hektar tanah ladang lagi untuk ditukarkan kepada pengeluaran padi untuk mencapai tahap sara diri pada kadar 100%. Sime Darby dan FELDA adalah GLC yang seharusnya menunjuk jalan dalam mempelbagaikan tanaman mereka untuk menjamin bekalan makanan negara.
2. Skim UBI yang diubah bukannya pampasan untuk pengangguran berdasarkan individu. Tujuannya adalah untuk menjamin pendapatan minima bagi semua keluarga terutama keluarga di mana lelaki dan wanita rumah tersebut tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi. Tujuan skim ini adalah untuk memastikan bahawa semua keluarga akan mempunyai cukup wang untuk membeli barang keperluan asas untuk keluarga.
3. Kajian global oleh CovidSurg Collaborative yang diterbitkan dalam *British Journal of Surgery* telah menganggarkan bahawa kadar pembatalan operasi di Hospital Malaysia adalah 70.9 peratus. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat 151,717 pembedahan di hospital Malaysia yang tertunda Mac hingga Mei 2020. (Kod Biru 15/5/2020).
4. Resolve to Save Lives telah mengeluarkan sistem amaran COVID-19 berkod warna untuk menandakan risiko penularan dalam masyarakat dan mengesyorkan tahap pencegahan individu yang sesuai. Sistem ini merangkumi empat tahap yang bermula dari "normal baru" hingga "tahap waspada tinggi", dengan langkah-langkah yang sesuai yang dapat diambil oleh masyarakat dan individu di setiap tahap untuk mengurangkan risiko penularan.
https://preventepidemics.org/wp-content/uploads/2020/05/Annex-2_Example-of-an-alert-level-system_US_FINAL.pdf
5. Semua ini adalah masalah teknikal dan agensi kerajaan yang berkenaan telah membincangkannya dan menyusun rancangan tindakan. Tambahan lagi, kita mempunyai ramai orang di negara ini yang telah menangani masalah ini. Kerajaan perlu menyatukan mereka untuk menyusun rancangan konkret untuk setiap program ini. Jawatankuasa pemantauan bebas perlu dibentuk untuk memantau pelaksanaan projek-projek ini supaya kita dapat memperoleh nilai dari wang yang dibelanjakan.
6. Nisbah pendapatan cukai berbanding KDNK telah menurun di seluruh dunia akibat polisi neoliberal yang didasarkan pada kepercayaan bahawa masyarakat dilayan paling baik jika kerajaan tidak "mencampur tangan" dengan kegiatan ekonomi dan membiarkan perusahaan bersaing "bebas" dalam pasaran. Salah satu kesan pendekatan polisi ini adalah untuk mengurangkan kadar cukai bagi syarikat dan jutawan dan memberi mereka banyak ruang untuk menghindari pembayaran cukai.



Bajet Kerajaan Malaysia Berbanding KDNK 1980 - 2019

7. Sekuriti Kerajaan Malaysia berbentuk bon. Bon adalah pinjaman yang membayar kadar faedah tetap tertentu setiap tahun (kadar kupon) kepada pelabur, dengan jumlah pokok dibayar kembali pada akhir tempoh bon. Tempoh bon boleh berkisar antara satu tahun hingga 30 tahun. Oleh kerana bon dikeluarkan oleh kerajaan, bon dilihat sebagai pelaburan yang selamat. Purata kadar faedah untuk bon kerajaan Malaysia adalah sekitar 4.2% setiap tahun.
8. Debt monetization ataupun "Pengewangan Hutang" telah berkembang dari *Quantitative Easing (QE)* di mana, semasa dan setelah Kemelesetan 2008, bank pusat negara maju telah meneraju pasaran bon sekunder untuk membeli bon, dan memindahkan wang tunai ke tangan para pelabur dengan harapan aksi ini dapat merangsang pengeluaran dan menjana pekerjaan. Tetapi kerana permintaan agregat lembut, QE menaikkan harga tanah dan harta tanah. Dari taktik membeli bon dalam pasaran bon sekunder hingga membeli bon secara langsung dari kerajaan hanya satu langkah kecil.
9. Pelabur antarabangsa menjual RM 774.1 juta net ekuiti tempatan dalam 1 minggu yang lalu. Sejauh ini pelabur asing telah mengeluarkan RM 11.08 bilion dari BSKL. (Starbiz 13/5/2020). Pelabur asing menjual Sekuriti Kerajaan Malaysia bernilai RM 12.5 bilion antara Februari dan April 2020. (Starbiz 27/4/20) Aliran keluar modal besar seperti ini (dalam jangka masa yang agak singkat) akan menyebabkan lebihan ringgit di pasaran mata wang antarabangsa dan menyebabkan ringgit merudum ke bawah.
10. Pasar Bon Prima adalah tempat Bon Kerajaan dijual - pihak berkuasa yang berdaftar mengundang tawaran dan memperuntukkan MGS yang ditawarkan dalam kalangan pembida. Pemegang bon boleh memegang bon mereka sehingga selesai tempo, mengumpulkan pembayaran kupon tahunan (faedah) serta jumlah pokok semasa selesai tempo. Ataupun, mereka boleh menjual bon ini (dengan hak untuk mengumpulkan semua pendapatan yang masih perlu dibayar terhadapnya) kepada pihak lain yang berminat dalam pasaran Bon Sekunder. Sekiranya kadar faedah yang ada adalah rendah, atau jika ada persepsi bahawa mata wang kita akan meningkat berbanding mata wang lain, harga bon ini dapat melebihi nilai jumlah pokok dengan margin yang besar.



11. Bahagian rejim yang "terkawal" adalah di mana Bank Negara akan campur tangan menggunakan rizab luarannya untuk membeli ringgit jika tekanan ke bawah mengancam dan menyebabkan ringgit jatuh di bawah ambang tertentu. Tetapi jika tekanan ke bawah terlalu kuat, Bank Negara terpaksa mengambil keputusan untuk membiarkan ringgit turun ke nilai yang lebih rendah kerana tidak mahu menggunakan semua rizab luarannya untuk mempertahankan ringgit.
12. Selama beberapa dekad yang lalu, Kerajaan Malaysia membiayai defisit belanjawannya dengan menjual Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS = Bon) kepada pelabur. MGS ini adalah untuk jangka masa yang ditentukan, di mana kerajaan harus membayar balik jumlah pokok kepada pelabur. Oleh kerana kita telah menjalankan anggaran defisit selama 30 tahun yang lalu, kita tidak dapat membayar balik MGS yang matang daripada hasil semasa. Apa yang telah kerajaan kita lakukan adalah menerbitkan MGS baru untuk membayar kembali MGS lama yang sudah matang. Hampir semua kerajaan melakukan perkara yang sama. Kini, Malaysia mempunyai RM 750 bilion dalam sekuriti kerajaan yang masih dimiliki oleh sektor swasta. Rata-rata 10% daripada jumlah ini akan matang setiap tahun. Oleh itu, kita perlu mengeluarkan RM 75 bilion MGS baru untuk menyelesaikan mereka yang akan selesai tempoh tahun ini. Jika tidak berlakunya wabak Covid dan kemelesetan yang disebabkan olehnya, Kerajaan Malaysia perlu mengeluarkan sekitar RM 126 bilion MGS pada tahun 2020 - RM 75 juta untuk membayar balik MGS yang akan matang tahun ini dan RM 51 bilion untuk defisit bagi tahun 2020.
13. Ini serupa dengan "bergolek dengan pukulan". Bermaksudnya, kita harus fokus kepada melindungi dan mempertahankan diri dari wabak dan kemerosotan ekonomi dengan memastikan tiada yang kekurangan barang dan perkhidmatan penting, serta sistem kewangan dan keupayaan pengeluaran kita tidak rosak dengan teruk. Objektif tambahan adalah kita harus menghijau ekonomi di mana sahaja kita boleh. Ini berdasarkan premis bahawa kita begitu terintegrasi dengan ekonomi dunia. Oleh itu kita tidak dapat pulih sepenuhnya hingga seluruh dunia juga keluar dari kemerosotan ekonomi yang disebabkan oleh Covid.

--tamat--